

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JUNE 2016

Najib kongsi ilmu kendali media sosial

BH - 10/6/2016

➔ PM turut dedah miliki akaun iTune, minat penyanyi Lionel Richie, Stevie Wonder, muzik Motown

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam berkongsi pengetahuan mengendalikan akaun media sosialnya dalam sesi temubual bersama usahawan internet terkemuka Asia, Patrick Grove pada persidangan Wild Digital di sini.

Dalam sesi temu bual santai hampir 45 minit, Perdana Menteri yang mengenakan baju hoodie tertera #DaBoss disediakan khas untuknya, turut menjawab semua soalan ditujukan Ketua Pegawai Eksekutif Catcha Group itu.

Antara soalan yang ditujukan kepada Najib ialah permainan apa-

kah yang dimainkannya ketika waktu senggang dan Najib menjawab, Hangman.

Najib turut mengakui memiliki akaun iTune dengan lagu Lionel Richie dan Stevie Wonder menjadi kegemarannya, selain turut meminati lagu rancak Motown.

“Saya mempunyai pasukan sendiri yang membantu memuat naik status dalam akaun Twitter milik saya berikutan kekangan kerja yang sangat padat.

“Saya sentiasa bergerak dan membataskan saya untuk memuat naik status setiap masa. Memang saya tidak berpeluang untuk pergi ke sudut dan memuat naik status selepas habis satu-satu acara.

“Sekiranya saya berada jauh sebagai contoh di Rumah Panjang (Sarawak), pasukan itu akan me-

muat naik status saya dengan semua kandungan adalah milik saya,” katanya.

Kongsi gambar selfie

Grove turut berkongsi beberapa gambar yang dimuat naik Najib dalam akaun peribadinya yang mendapat hit tinggi, iaitu gambar selfienya bersama Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dalam kenderaan rasmi Obama, The Beast ketika kunjungannya ke Malaysia tahun lalu.

Gambar lain yang menarik perhatian ramai ialah Najib mendukung Addi Asyraaf Mohamad Missbahuddin, kanak-kanak berusia enam tahun di Kuching, Sarawak yang menghidap penyakit hati ‘Sindrom Allagile’.

Gambar itu dirakam ketika Najib

di Sarawak sempena Pilihan Raya Negeri Ke-11. Beliau mulanya dijadualkan berjumpa Addi Asyraaf di bilik hotelnya, bagaimanapun membuat keputusan ke rumah Addi Asyraaf bagi melihat sendiri keadaan keluarga pemandu lori itu.

Perdana Menteri turut menggalakkan generasi muda menceburi dunia keusahawanan dengan mengambil contoh peniaga Kek Lapis di Sarawak menggantung gambar percutiannya ke California, Amerika Syarikat sebagai bukti menunjukkan mereka yang berniaga boleh berjaya sehingga ke tahap itu.

Persidangan Wild Digital 2016 selama dua hari itu dihadiri usahawan, pelabur dan eksekutif kanan digital terkemuka dari rantau ini dan sekitarnya.